

**PERSEPSI MAHASISWA KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR  
(KUIS) TERHADAP AMALAN PENGURUSAN MASA**

**Nadhirah Aznan, Noraini Shamsuddin**

Jabatan Perakaunan

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[Noraini\\_shamsuddin@kuis.edu.my](mailto:Noraini_shamsuddin@kuis.edu.my)

**ABSTRAK**

*Isu pengurusan masa adalah sangat sinonim dengan para pelajar terutamanya mahasiswa. Lambakan tugas dan aktiviti yang pelbagai di kampus ditambah dengan persekitaran yang agak bebas menyebabkan ramai pelajar gagal menguruskan masa dengan baik. Ini kerana ramai yang terleka dengan menghabiskan masa terlalu lama untuk bersama kawan-kawan dan melakukan aktiviti yang tidak berfaedah. Para pelajar juga dilihat kurang bijak dalam meletakkan keutamaan pada aktiviti yang diceburi. Selain itu kurangnya disiplin dan kemahiran menguruskan masa turut menyumbang kepada pencapaian yang lemah. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti persepsi mahasiswa Program Ijazah Sarjana Muda di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) terhadap amalan pengurusan masa. Kajian ini juga cuba mengenalpasti hubungan antara kepentingan, kaedah, pengaruh persekitaran terhadap amalan pengurusan masa serta mengetahui perbezaan persepsi pelajar lelaki dan perempuan terhadap kepentingan pengurusan masa. Sampel kajian yang dianalisis melibatkan seramai 200 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar pangajian Ijazah Sarjana Muda. Satu set soal selidik yang mengandungi 26 item telah dikemukakan kepada responden. Penganalisan data dibuat secara kaedah statistik deskriptif serta inferensi iaitu dalam bentuk kekerapan, peratusan, min, ujian-t dan korelasi Pearson. Hasil dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa pelajar mengamalkan pengurusan masa dengan baik. Terdapat hubungan yang signifikan antara kepentingan, kaedah, pengaruh persekitaran terhadap amalan pengurusan masa. Berdasarkan analisis ujian-t pula mendapati pelajar perempuan lebih mementing pengurusan masa yang baik berbanding pelajar lelaki. Di akhir kajian ini juga disertakan beberapa cadangan sebagai panduan dan tindakan yang sewajarnya di ambil oleh pihak-pihak tertentu.*

**Kata Kunci:** *Amalan pengurusan masa, kepentingan pengurusan masa, kaedah pengurusan masa, pengaruh persekitaran*

---

## **PENGENALAN**

Pengurusan masa yang baik memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seorang pelajar terutamanya bagi pelajar di universiti (Wan Zah et. al. 2008; Hamizatun dan Norzaini 2013) kerana ianya dapat membantu pelajar mencapai kejayaan dengan cemerlang. Peluang menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar merupakan satu medan latihan yang baik sebelum menempuh kehidupan yang lebih mencabar. Amalan pengurusan masa yang efektif perlu diterapkan dalam diri mahasiswa agar mereka bijak dalam mengawal dan menggunakan masa dengan baik agar dapat mencapai kejayaan dan kepuasan dalam arus kehidupan yang penuh cabaran. Pengurusan masa juga amat penting dan ditekankan dalam Islam kerana segala perkara yang dilakukan oleh umat Islam adalah berdasarkan masa dan waktu yang digunakan dalam hidup. Allah menegaskan di dalam Al Quran, tentang betapa tinggi dan mahalnya nilai waktu itu sendiri khususnya kepada kehidupan manusia untuk berjaya di dunia dan akhirat seperti yang di rakamkan di dalam surah al-‘Asr, ayat 1-3, surah al-‘Lail, ayat 1-2, surah al- Fajr, ayat 1-2 .

Namun persoalannya, masih terdapat sebilangan mahasiswa yang masih kurang bijak dalam menguruskan masa sehingga mengheret mereka kepada kegagalan. Kehidupan di universiti yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti samada aktiviti akademik mahupun kokurikulum menyebabkan sebilangan pelajar gagal memilih dan menyusun aktiviti mengikut kepentingan (Zakiah, 2007). Dalam kehidupan banyak perkara perlu dilakukan mengikut pembahagian perkara penting, kurang penting dan tidak penting. Kegagalan merancang dengan baik menyebabkan pelajar mendahulukan perkara yang tidak penting berbanding perkara yang lebih penting.

Selain itu, kurangnya komitmen, disiplin dan faktor persekitaran turut mengganggu pelajar menguruskan waktu dengan baik. Tindakan pelajar tidak menjadualkan dengan terperinci aktiviti harian mereka akan menyebabkan mereka meluangkan lebih banyak masa terhadap sesuatu aktiviti yang kurang berfaedah. Sebagai contoh meluangkan masa yang terlalu lama untuk keluar makan bersama rakan-rakan. Dengan adanya jadual aktiviti harian, pelajar akan mengelak membazir masa untuk aktiviti kurang berfaedah.

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan persepsi mahasiswa terhadap amalan pengurusan masa dengan mendapatkan maklumat dalam aktiviti yang dilakukan oleh mahasiswa dalam aktiviti harian mereka sebagai seorang pelajar dalam pembahagian masa sebagai pelajar di dalam dan di luar kampus serta dapat mengetahui sejauh mana pelajar memanfaatkan masa dalam kehidupan harian mereka bersama rakan-rakan yang lain.

### **Objektif kajian**

Secara khusus objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti:

- i. Amalan pengurusan masa dalam kalangan pelajar KUIS.
- ii. Persepsi pelajar KUIS terhadap kepentingan pengurusan masa, kaedah pengurusan masa dan faktor persekitaran yang mempengaruhi amalan pengurusan masa.
- iii. Hubungan antara kepentingan, kaedah, pengaruh persekitaran terhadap amalan pengurusan masa
- iv. Perbezaan persepsi pelajar lelaki dan perempuan KUIS terhadap kepentingan pengurusan masa.

## **Skop kajian**

Skop kajian ini melibatkan responden yang terdiri daripada pelajar di KUIS iaitu dalam Program Ijazah Sarjana Muda dari pelbagai jurusan yang berlainan fakulti. Pelajar-pelajar berikut terdiri daripada pelbagai jurusan daripada Fakulti Pengurusan Muamalah (FPM), Fakulti Akademi Islam (AI) dan Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM).

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Mahasiswa dan Pengurusan Masa**

Peluang menjalani kehidupan sebagai seorang mahasiswa merupakan satu medan latihan yang baik sebelum menempuh kehidupan yang lebih mencabar pada masa akan datang. Corak kehidupan sebagai seorang mahasiswa memerlukan mereka menjadi seorang yang bijak dalam segala aspek termasuklah dalam aspek pengurusan masa. Mahasiswa yang bijak dalam pengurusan masa mempunyai disiplin diri yang teguh dalam menguruskan masa dalam kehidupan seharian. Menurut kajian yang dilakukan oleh Azizan (2008), secara rasionalnya masa bukanlah suatu masalah yang memerlukan kepada suatu pengurusan, apa yang penting adalah bagaimana seseorang individu itu bijak mengendalikannya. Berdasarkan kajian yang dibuat mengenai ciri-ciri pengurusan masa yang efektif adalah dengan cara menentukan matlamat, mengenalpasti dan menyenaraikan keutamaan tentang perkara penting yang perlu dilaksanakan dahulu.

Cigdeem (2010) turut menjalankan kajian dalam kalangan pelajar pasca ijazah untuk mengetahui hubungan pengurusan masa dengan tahap prestasi akademik pelajar. Kajian tersebut mendapati aspek pengurusan masa yang diamalkan secara berkesan dengan perancangan yang baik dan bijak dapat memperoleh kejayaan serta meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Setiap individu terutamanya pelajar perlu melihat masa sebagai satu komoditi yang sangat penting untuk diurus dengan baik agar dapat mencapai objektif hidup dan seterusnya membuahkan kejayaan.

### **Kepentingan Pengurusan Masa**

Kepentingan dalam pengurusan masa yang berkesan menggambarkan kepada pengurusan kehidupan yang lebih baik untuk masa akan datang. Ini kerana setiap pendekatan pengurusan masa yang diambil, akan menjurus kepada perubahan pemikiran dan sikap seseorang. Kajian yang dilaksanakan oleh Nurzatulshima (2012) mengenai tahap pengurusan pelajar dan pengurusan masa dalam pengajaran amali Fizik, mendapati tahap pengurusan pelajar dan pengurusan masa dalam pengajaran amali Fizik oleh semua guru adalah baik. Ini membuktikan bahawa sekiranya masa diurus dan dirancang dengan baik akan membantu seseorang individu itu menyelesaikan kerja dan tugas dengan baik dan menepati waktu.

Pendapat ini disokong oleh kajian Hamizatun dan Norzaini (2013), yang turut mendapati pengurusan masa dan pengurusan stress yang baik memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seorang mahasiswa kerana ianya dapat membantu pelajar mencapai kejayaan di universiti.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Ruti et al. (2010), menunjukkan bahawa pelajar biasanya cenderung untuk melaksanakan tugas masing-masing mengikut masa yang dirancang agar matlamat dapat dicapai. Kajian tersebut dijalankan terhadap 120 orang pelajar pasca siswazah di Universiti Terbuka di Israil yang mana kebanyakannya pelajar pasca siswazah yang sudah berjaya. Hasil kajian mendapati proses menguruskan masa dengan cara membahagikan masa untuk aktiviti kerjaya dan pembelajaran memberikan hasil yang baik dalam pencapaian akademik dan kerjaya responden. Melalui pembahagian masa secara kondusif dapat memudahkan pelajar untuk melakukan kerja walaupun sibuk dengan tugas yang lain pada satu masa.

### **Kaedah Pengurusan Masa**

Usaha untuk memperbaiki kaedah pengurusan masa dalam kalangan pelajar adalah penting dari segi teknik dan kemahiran. Menurut kajian Wan Zah (2008), kemahiran pengurusan masa merupakan salah satu kemahiran belajar yang penting untuk dikuasai oleh pelajar bagi membantu mereka mencapai kejayaan cemerlang semasa menuntut di universiti. Antara kaedah pengurusan masa yang popular ialah penggunaan jadual dan kemahiran membahagikan waktu. Namun begitu didapati kemahiran pengurusan masa dalam kalangan pelajar adalah sederhana dan kemahiran ini berbeza secara signifikan antara jantina, tahun pengajian dan bidang pengajian. Menurut kajian yang dibuat oleh Khor et al. (2012), mendapati kemahiran pengurusan masa yang lemah menjadi faktor kemerosotan keputusan pelajar sains. Hal ini disebabkan teknik pengurusan masa yang tidak betul serta kaedah yang digunakan dalam penjadualan masa yang tidak strategi menyebabkan kegagalan pelajar dalam pembelajaran.

Menurut kajian Mehnaz (2013) untuk menjadi seorang mahasiswa yang berjaya antara perkara penting yang perlu dilakukan ialah menyusun jadual waktu dan mematuhi jadual yang telah dibuat agar tiada waktu yang terbuang dengan sis-sia serta dapat mendisiplinkan diri dengan masa.

### **Pengaruh Persekitaran**

Kajian Baharin et al. (2006), pengurusan masa yang baik dikenalpasti sebagai salah satu ciri dan gaya hidup cemerlang dalam kalangan pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian yang dilakukan bertujuan untuk meninjau pengaruh persekitaran yang mempengaruhi pengurusan masa dan mengenalpasti korelasi pengurusan masa dengan pencapaian akademik pelajar. Hasil kajian mendapati kelemahan pengurusan masa dari segi menyediakan dan menyiapkan senarai yang dibuat meninggalkan kesan negatif dalam pengurusan pembelajaran pelajar. Pada masa sama, pelajar juga dibelenggu dengan sikap suka menangguh kerja.

Manakala berdasarkan kajian oleh Abdul Rahim dan Rafie (2011) mengenai pengurusan masa dalam kalangan pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB)ambilan satu di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai mendapati, responden telah dapat menguruskan masa mereka dengan baik dan cemerlang walaupun persekitaran hidup mereka sibuk dengan urusan kerjaya, keluarga dan pelajaran. Di samping keluarga turut memainkan peranan penting untuk kejayaan yang diperolehi.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk deskriptif menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan proses tinjauan melalui soal selidik bagi mengumpul data. Kandungan soal selidik tersebut terbahagi kepada lima bahagian seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah. Soalan berbentuk skala lima likert telah digunakan untuk semua bahagian kecuali bahagian E.


<b>Bahagian</b>	<b>Perkara</b>
Bahagian A	Amalan Pengurusan Masa
Bahagian B	Kepentingan Pengurusan Masa
Bahagian C	Kaedah Pengurusan Masa
Bahagian D	Pengaruh Persekitaran
Bahagian E	Latar Belakang Responden

**Jadual 1: Pembahagian Soal Selidik**

## **Kerangka Kajian**

Bagi melihat persepsi mahasiswa terhadap amalan pengurusan masa (pemboleh ubah bersandar) mereka, pengkaji menggunakan tiga pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kepentingan pengurusan masa, kaedah pengurusan masa dan pengaruh persekitaran yang mempengaruhi dalam menguruskan masa. Tiga pemboleh ubah tidak bersandar ini dikaji bagi mengetahui persepsi mahasiswa dalam amalan pengurusan masa terhadap aktiviti seharian mereka sebagai pelajar. Rajah dibawah merupakan kerangka kajian yang digunakan.

**Rajah 1: Kerangka Kajian**



**Sumber:** Wan Zah et al. (2008), Abdul Rahim & Rafie (2011), Hamizatun & Norzaini (2013).

## Analisis Data

Penganalisaan data dibuat secara kaedah statistik deskriptif serta inferensi iaitu dalam bentuk kekerapan, peratusan, min, ujian-t dan korelasi Pearson. Analisis nilai purata digunakan bagi melihat persepsi amalan pengurusan masa. dalam kalangan pelajar. Jadual dibawah menunjukkan skala pengkelasan nilai purata yang telah digunakan.

Pengelasan Skor Min	Tahap Skor
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

**Jadual 2: Analisis Pengelasan Skor Min dan Tahap Penilaian.** (Sumber: Mohd Majid, 2000)

Manakala ujian korelasi Pearson digunakan untuk mengenalpasti hubungan antara kepentingan, kaedah, faktor persekitaran terhadap amalan pengurusan masa. Jadual di bawah menunjukkan jadual pengkelasan data korelasi yang mengguna kaedah Pearson.

Pekali Korelasi	Penerangan
$\pm 0.90 - 0.99$	Sangat Tinggi
$\pm 0.70 - 0.89$	Tinggi
$\pm 0.40 - 0.69$	Sederhana
$0 - \pm 0.39$	Rendah

**Jadual 3: Jadual Pengkelasan Korelasi Pearson** (Sumber: Collins et.al. 2009)

Ujian-t pula digunakan untuk mengenalpasti perbezaan persepsi kepentingan pengurusan masa antara pelajar lelaki dan wanita.

## Kajian Rintis

Kajian rintis telah dilaksanakan dan hasil yang didapati menunjukkan konstruk soalan-soalan kajian dalam nilai kebolehpercayaan yang amat positif seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah.

Bahagian	Perkara	Cronbach's Alpha (Kajian Rintis)
A	Amalan Pengurusan Masa (DV)	0.614
B	Kepentingan Pengurusan Masa (IV 1)	0.745
C	Kaedah Pengurusan Masa (IV 2)	0.705
D	Pengaruh Persekitaran (IV 3)	0.825

**Jadual 4: Nilai Kebolehpercayaan bagi Pembolehubah Bersandar dan Tidak Bersandar**

## HASIL KAJIAN

### Analisis Diskriptif

Daripada 202 set soal selidik yang diedarkan, sebanyak 200 set telah berjaya diperolehi. Jadual di bawah menunjukkan data demografi responden. Majoriti responden adalah warganegara Malaysia berumur 22 ke 25 tahun, masih bujang dan menetap di asrama. Memandangkan Fakulti FPM dan AI antara fakulti terbesar di KUIS, maka para pelajar dari dua fakulti tersebut mendominasi taburan soal selidik ini sebanyak 95.5 peratus. Lebih dari satu per tiga responden (44.4%) terdiri daripada pelajar tahun 3, diikuti pelajar tahun 4 (30%) dan tahun 2 (18.5%).

Bil	Perkara	Item	Kekerapan	Peratusan
1.	Jantina	Lelaki	100	50
		Perempuan	100	50
		<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100</b>
2.	Umur	18-21 Tahun	29	14.5
		22-25 Tahun	159	79.5
		26 Tahun ke atas	12	6.0
		<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100</b>
3.	Warganegara	Malaysia	198	99.0
		Antarabangsa	2	1.0
		<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100</b>
4.	Status perkahwinan	Bujang	192	96.0
		Berkahwin	8	4.0
		<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100</b>
5.	Penginapan pelajar	Dalam kampus	175	87.5
		Luar kampus	25	12.5
		<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100</b>
6.	Fakulti	FPM	94	47
		AI	97	48.5
		FSTM	9	4.5
		<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100</b>
7.	Semester pengajian	1	2	1.0
		2	9	4.5
		3	8	4.0
		4	29	14.5
		5	54	27.0
		6	34	17.0
		7	52	26.0
		8	8	4.0
		9 ke atas	4	2.0
		<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100</b>

**Jadual 5: Maklumat Demografi Responden**

Jadual di bawah menunjukkan analisis nilai purata (min) yang turut dilaksanakan bagi keempat-empat pemboleh ubah. Analisis tersebut dijalankan berdasarkan pernyataan yang digunakan di dalam borang soal selidik bagi menentukan tahap min di dalam setiap item pemboleh ubah yang dikaji. Bagi analisis min pada tiga pemboleh ubah tidak bersandar mencatatkan tahap purata yang tinggi dan keseluruhannya adalah baik. Antara ketiga-tiga pemboleh ubah tidak bersandar menunjukkan konstruk kepentingan pengurusan masa yang paling tinggi (min=4.36). Dapatan ini menunjukkan bahawa responden berpandangan pengurusan masa yang baik adalah amat penting dalam kehidupan harian dengan membuat perancangan masa dan mengurus masa dengan bijak.

Namun secara puratanya responden mempunyai amalan pengurusan masa yang sederhana (min=3.67) dalam kehidupan harian mereka sebagai pelajar. Antara amalan pengurusan masa yang diamalkan, responden tidak suka menanggungkan sesuatu kerja yang penting, sentiasa membuat catatan dalam masa yang digunakan dalam aktiviti harian di samping memastikan aktiviti harian mereka diurus dengan baik mengikut perancangan yang dibuat.

<b>Pemboleh ubah</b>	<b>Bil. Soalan</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap</b>
Amalan Pengurusan Masa (DV)	5	3.67	Sederhana
Kepentingan Pengurusan Masa (IV 1)	7	4.36	Tinggi
Kaedah Pengurusan Masa (IV 2)	7	3.90	Tinggi
Pengaruh Persekitaran (IV 3)	7	3.90	Tinggi

**Jadual 6: Analisis Min Bagi Setiap Pemboleh ubah**

### **Analisis Korelasi**

Analisis korelasi Pearson dilakukan bagi mengenalpasti hubungan antara kepentingan pengurusan masa, kaedah pengurusan masa, dan pengaruh persekitaran terhadap amalan pengurusan masa. Penggunaan kaedah ini adalah bertujuan untuk menguji kekuatan hubungan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar.

<b>Persepsi Mahasiswa Terhadap Amalan Pengurusan Masa</b>	<b>Hubungan Korelasi</b>	<b>Nilai Signifikan</b>
Kepentingan Pengurusan Masa (IV 1)	0.511 <sup>**</sup>	.000
Kaedah Pengurusan Masa (IV 2)	0.596 <sup>**</sup>	.000
Pengaruh Persekitaran (IV 3)	0.179 <sup>**</sup>	.011

<sup>\*\*</sup>Korelasi Signifikan pada aras 0.01 (2 hujung).

**Jadual 7: Korelasi Pemboleh ubah Tidak Bersandar dengan Pemboleh ubah Bersandar**

Berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada analisis korelasi ini, didapati bahawa pemboleh ubah ini menunjukkan nilai korelasi Person secara keseluruhan untuk pemboleh ubah tidak bersandar (IV). Bagi pemboleh ubah tidak bersandar yang pertama (IV 1) iaitu kepentingan pengurusan masa mempunyai hubungan yang signifikan positif sederhana iaitu 0.511<sup>\*\*</sup> aras 0.000 (2-hujung). Maka dapat disimpulkan bahawa kepentingan pengurusan masa mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan pengurusan masa pelajar.

Pemboleh ubah tidak bersandar yang kedua (IV 2) iaitu kaedah pengurusan masa mempunyai hubungan yang signifikan positif sederhana iaitu 0.596<sup>\*\*</sup> pada aras 0.000 (2-hujung). Maka dapat disimpulkan bahawa kaedah pengurusan masa mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan pengurusan masa pelajar.



Bagi pembolehubah yang ketiga (IV 3) iaitu pengaruh persekitaran turut mempunyai hubungan yang positif tetapi berada pada tahap rendah iaitu 0.179<sup>\*\*</sup>. Pengaruh persekitaran mempunyai hubungan yang signifikan pada aras 0.011 (2-hujung). Oleh itu, pengaruh persekitaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan pengurusan masa pelajar.

Secara keseluruhannya ketiga-tiga pembolehubah tidak bersandar mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan pengurusan masa pelajar.

### **Perbezaan Persepsi Kepentingan Pengurusan Masa antara Jantina**

Ujian-t telah dilaksana bagi mengenalpasti perbezaan persepsi kepentingan pengurusan masa di antara pelajar lelaki dan perempuan.

<b>Jantina</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>t</b>	<b>Sig. (2-tailed)</b>
Lelaki	100	4.2714	.49964	-2.875	.004
Perempuan	100	4.4500	.36907		.005

*(p > 0.05)*

#### **Jadual 8: Perbezaan Min bagi Persepsi Pelajar Lelaki dan Perempuan KUIS Terhadap Kepentingan Pengurusan Masa.**

Jadual di atas, menunjukkan perbezaan min bagi persepsi pelajar lelaki dan perempuan terhadap kepentingan pengurusan masa. Dalam kajian ini, jumlah responden yang diambil adalah sama banyak antara pelajar lelaki dan perempuan iaitu kedua-duanya sebanyak 100 orang responden. Analisis di atas menunjukkan bahawa skor min bagi pelajar lelaki ( $m = 4.27$ ) lebih rendah berbanding skor min pelajar perempuan ( $m = 4.45$ ). Ini bermakna pelajar perempuan lebih mementingkan aspek pengurusan masa dengan baik. Analisis data juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor min persepsi pelajar lelaki dan perempuan terhadap kepentingan pengurusan masa iaitu bagi pelajar lelaki ( $p = 0.004$ ) dan pelajar perempuan ( $p = 0.005$ ).

Berdasarkan analisis tersebut menunjukkan kepentingan pengurusan pelajar lelaki dan perempuan adalah berbeza iaitu pelajar perempuan lebih mementingkan pengurusan masa mereka dalam kehidupan harian. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Hamizatun (2013), Wan Zah et al. (2008) serta Misra dan McKean (2000) yang mendapati pelajar perempuan adalah lebih cekap dan lebih mementingkan pengurusan masa berbanding dengan pelajar lelaki. Secara keseluruhannya pelajar lelaki dan perempuan berbeza dalam aspek kepentingan pengurusan masa iaitu pelajar perempuan lebih mementingkan masa daripada pelajar lelaki.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar KUIS terhadap amalan pengurusan masa, kepentingan, kaedah dan faktor persekitaran yang mempengaruhi amalan pengurusan masa. Secara keseluruhannya mendapati amalan pengurusan masa pelajar KUIS adalah sederhana. Namun begitu secara purata mereka berpandangan bahawa pengurusan masa, kaedah dan faktor persekitaran adalah sangat penting dalam amalan pengurusan masa.

Selain itu terdapat hubungan yang signifikan antara kepentingan, kaedah dan faktor persekitaran terhadap amalan pengurusan masa. Juga terdapat perbezaan yang signifikan tentang kepentingan pengurusan masa antara pelajar lelaki dan wanita.

Secara kesimpulannya, kemahiran pengurusan masa yang sederhana dalam kalangan pelajar universiti tempatan wajar diberi perhatian kepada semua pihak agar dapat mementingkan aspek pengurusan masa yang baik dalam kehidupan. Walaupun kemahiran pengurusan masa bukannya satu-satunya faktor utama penentu kejayaan semasa mengikuti pengajian di universiti, ianya tetap menyumbang ke arah pembentukan sahsiah dan disiplin terhadap masa serta bagi memastikan pencapaian prestasi yang lebih baik semasa di universiti. Justeru itu, penerapan kemahiran belajar ini wajar dititikberatkan melalui pelbagai latihan dan seminar yang boleh dianjurkan oleh pihak universiti sejak mula pelajar menjejakkan kaki ke universiti agar amalan budaya pengurusan masa yang baik dapat dipupuk.

Selain itu ibu bapa juga perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam melatih anak melakukan aktiviti harian berdasarkan jadual yang dirangka secara tidak formal oleh ibu bapa sendiri. Anak-anak perlu diberikan didikan bermula dari kecil lagi bahawa sesuatu aktiviti perlu dilaksanakan dalam waktu yang tertentu. Didikan sedari kecil ini secara tidak langsung dapat membentuk disiplin dan komitmen anak-anak untuk menepati masa dan menggunakannya sebaik mungkin. Di samping itu ibu bapa juga perlu menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak dalam aspek menguruskan masa dengan baik.

Dengan masa yang digunakan dengan cara yang teratur dan dirancang dengan baik serta tepat, ianya akan mendatangkan banyak manfaat dan faedah kepada individu itu sendiri apabila dapat menyumbang kepada peningkatan dalam aspek kecekapan dalam melakukan tugas dan dapat meningkatkan produktiviti dalam sesuatu kerja untuk mencapai matlamat hidup dalam arus pemodenan masa kini yang semakin maju dalam arus pembangunan negara.

## **RUJUKAN**

- Al-Quran. Surah Al-Asr : ayat 1-3, Surah Al-Lail: ayat 1-2, Surah Al-Fajr: ayat 1-2.
- Abdul Rahim dan Rafie. (2011). *Pengurusan Masa Di Kalangan Pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) Ambilan 1*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizan Zainuddin. (2008). *Pengurusan Masa*. Seminar Penghayatan Pengurusan Masa.
- Baharin, Jamaludin, Azmahani dan Mohd Hidayat. (2006). *Gaya Hidup Pelajar Cemerlang dalam Persekitaran Kampus*. Fakulti Kejuruteraan Awam. Universiti Teknologi Malaysia.
- Cigdem. (2010). *The Relationship of Time Management to Academic Performance of Master Level Students*. International Journal of Business And Management Studies. Vol 2. No 1.
- Collins, Jill and Hussey, Roger. (2009). *Business Research: A practical Guide for graduate and under graduate*. 3<sup>rd</sup> Edition. United Kingdom. Palgrave Macmillan. New York.
- Hamizatun dan Norzaini. (2013). *Perkaitan Antara Pengurusan Masa dan Stress Dalam Kalangan Pelajar Siswazah di IPTA*. UKM. Vol.5 No 1. Hlm. 34-49.
- Khor K. H, Chin C.K dan Teh T. K. (2012). *Pengurusan Masa: Faktor Kemerosotan Keputusan Pelajar Sains?*. Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG Zon Utara. Jabatan Sains.
- Nurzatulshima Kamarudin. (2012). *Tahap Pengurusan Pelajar dan Pengurusan Masa Dalam Pengajaran Amali Fizik*.
- Mehnaz Kaushar. (2013). *Study of Impact of Time Management on Academic Performance of College Students*. IOSR Journal of Business and Management. Volume 9. Issue 6.
- Misra and McKean. (2000). *College Student's Academic Stress and its Relationship to their Anxiety, Time Management and Leisure Satisfaction*. American Journal of Health Studies. 16: 41-45.
- Ruti Gafni and Nitza Geri. (2010). *Time Management: Procrastination Tendency in Individual and Collaborative Tasks*. Interdisciplinary Journal of Information, Knowledge and Management. Volume 5.
- Wan Zah Wan Ali, Aida Suraya, Ramlah, Rosini, Rohani, Sharifah, Kamariah dan Habsah. (2008). *Kemahiran Pengurusan Masa Pelajar Universiti Tempatan: Status Dan Hubungannya Dengan Pencapaian*. Jurnal Teknologi. Universiti Teknologi Malaysia. Hlm. 49-64.
- Zakiah Kasran (2007). *Tinjauan Pengurusan Masa di Kalangan Pelajar Diploma Semester Akhir, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Johor Bharu*. Universiti Teknologi Malaysia.

**LAMPIRAN**

**Correlations**

		amalanpengurusanm asa	kepentinganpengurusan masa	kaedahpengurusanm asa	pengaruhpersekitara ran
amalanpengurusanmasa	Pearson Correlati on  Sig. (2- tailed)  N	1   200			
kepentinganpengurusan masa	Pearson Correlati on  Sig. (2- tailed)  N	.511**  .000 200	1   200		
kaedahpengurusanmasa	Pearson Correlati on  Sig. (2- tailed)  N	.596**  .000 200	.508**  .000 200	1   200	
pengaruhpersekitaran	Pearson Correlati on  Sig. (2- tailed)  N	.179*  .011 200	.317**  .000 200	.297**  .000 200	1   200

\*\* . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

\* . Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).